

Masih ada 14 tahun jayakan projek MSC

BH - 9/10/2006



Spearheading Transformation

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

SEJAK 1996, Koridor Raya Multimedia (MSC) seolah-olah sama maknanya dengan Cyberjaya kerana kebanyakan pelajar dan orang ramai menganggap bandar pintar itu sajalah MSC. Tanggapan itu tidak benar.

MSC yang kini dikenali dengan nama MSC Malaysia selepas penjenamaan semula diwujudkan sebagai satu projek teknologi komunikasi maklumat (ICT) nasional pada awalnya merangkumi Cyberjaya, Putrajaya, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang, Taman Teknologi Malaysia, Universiti Putra Malaysia-Malaysia Technology Development Corporation hingga ke Kuala Lumpur City Centre (KLCC) di ibu negara.

Selaras dengan peranannya untuk memangkin perkembangan sosio ekonomi negara melalui aplikasi ICT, MSC Malaysia adalah rancangan jangka panjang yang hanya dianggap matang dan siap sepenuhnya pada 2020.

Ia bermakna rakyat Malaysia masih mempunyai 14 tahun untuk membantu menjayakan agenda besar ini, sesuai dengan objektif kewujudan projek nasional ini yang menjadi milik semua warga Malaysia.

Pembangunan Cyberjaya dan kawasan sekitarnya sebagai nadi MSC Malaysia, khasnya bagi merangsang aktiviti perdagangan syarikat antarabangsa dan tempatan di Malaysia termaktub dalam pelan fasa pertamanya.

Pelan itu ialah bagi menjayakan rancangan besar negara untuk turut menyertai ekonomi dunia yang berasaskan pengetahuan.

MSC Malaysia sekarang sudah memasuki fasa kedua, iaitu projek itu diperluaskan ke wilayah lain di negara ini. Antara bandar siber yang diiktiraf status MSC Malaysia dalam perancangan peluasannya termasuk kawasan Penang Cybercity 1 dan Kulim High Tech Park di Kedah, sementara pengiktirafan pusat siber MSC Malaysia diberikan kepada bangunan MSC Cyberport di Johor Bah-

ru, KL Sentral dan di Pusat Perdagangan Antarabangsa Melaka (MI-TC), di Melaka.

Pusat dan bandar siber ini mempunyai peranan yang hampir sama dengan kawasan rintis MSC Malaysia, terutamanya Cyberjaya, iaitu untuk menjadi nadi kepada pembangunan ICT di wilayah masing-masing.

Mengikut pelan perancangan MSC Malaysia sepatutnya terdapat 12 bandar pintar di seluruh negara sama ada di utara, selatan atau timur Semenanjung serta Sabah dan Sarawak. Kesemua bandar pintar ini dihubungkan dengan Cyberjaya dan akan dirangkaikan dengan pusat siber atau bandar siber di seluruh dunia.

Negeri Perak dan Sarawak juga sedang merancang dengan teliti untuk menubuhkan pusat dan bandar siber masing-masing bagi memangkin perkembangan ekonomi negeri masing-masing berlandaskan ICT. Ini bermakna kerajaan negeri menyambut rancangan kerajaan Pusat untuk membentuk masyarakat berteraskan ilmu pengetahuan, bertepatan dengan objektif MSC Malaysia dan agenda Wawasan 2020 Negara.

Untuk mengelakkan persaingan sesama sendiri dan peranan yang bertindan, pusat siber atau bandar siber di seluruh negara itu mempunyai pengkhususan tersendiri.

Penang Cybercity 1 sebagai contoh memberi tumpuan kepada industri semikonduktor, Cyberport Johor mendapatkan pelaburan dalam sektor logistik dan perkhidmatan perkongsian, khasnya dari Singapura. Melaka bertumpu kepada bidang bioinformatik, pelancongan elektronik

(e-pelancongan) dan penjagaan kesihatan manakala jalur Cyberjaya-KLIA-KLCC berfokus kepada industri ICT am.

Setakat ini, ada 1,606 syarikat berstatus MSC Malaysia dan menurut kajian Multimedia Development Corporation (MDeC), pada 2004 seramai lebih 27,000 pekerja bertugas dengan semua syarikat berkenaan.

Daripada jumlah itu, 88 peratus atau kira-kira 24,013 adalah warga-Malaysia. Jumlah pekerja di syarikat berstatus MSC Malaysia itu menunjukkan peningkatan memberangsangkan berbanding 19,061 pekerja pada 2003.

Syarikat berstatus MSC Malaysia tidak hanya beroperasi di kawasan awal Cyberjaya-KLIA-KLCC tetapi meliputi seluruh negara.

Walaupun baru ditubuhkan, pusat atau bandar siber di wilayah lain sekarang sudah ada 30 syarikat berstatus MSC Malaysia di Pulau Pinang dan tiga di Taman Teknologi Tinggi Kulim. Jumlah itu dijangka meningkat berdasarkan maklum balas positif daripada syarikat dalam dan luar negara.

Mengapa negara ini bersusah payah menubuhkan MSC Malaysia?

Matlamat Malaysia ialah menjadi negara maju menjelang 2020. Berikutan bidang ekonomi yang tumbuh dengan pesat di negara membangun ialah ekonomi berasaskan pengetahuan (K-ekonomi), negara ini juga perlu bergerak seiring dengan perkembangan di peringkat global.

Bidang ICT menjadi teknologi yang membolehkan pertumbuhan ekonomi mapan bersama-sama bioteknologi. Salah satu subsektor K-ekonomi ialah bioinformatik, iaitu gabungan biologi atau bioteknologi dengan ICT.

Sejak merdeka, ekonomi Malaysia berkembang pesat menerusi penekanan kepada sektor tertentu seperti ekonomi berasaskan komoditi pada 1960-an (bijih timah), pertanian pada 1970-an (getah dan kelapa sawit) dan pengeluaran serta elektronik pada 1980-an hingga 1990-an.

K-ekonomi, iaitu akan menjadi peneraju pertumbuhan ekonomi masa depan dan MSC Malaysia akan membawa negara maju seiring dengan perkembangan teknologi pada peringkat global.

FAKTA NOMBOR

Status MSC Malaysia

1,606

Syarikat

27,000

Pekerja terbabit